

Jawab **semua** soalan

- 1 Maklumat berikut merujuk kepada Perniagaan Seroja.

Perniagaan Seroja merekodkan sewa belum terima ke dalam Penyata Kewangan.

Apakah prinsip yang diamalkan oleh perniagaan tersebut?

- A Ketekalan
- B Prinsip kos
- C Tempoh perakaunan
- D Pengiktirafan hasil dan belanja

- 2 Maklumat berikut menunjukkan ciri sebuah milikan perniagaan.

- Pemilik berhak membuat keputusan ke atas perniagaan
- Liabiliti perniagaan tidak terhad

Perniagaan manakah yang menepati ciri-ciri di atas?

- A Alpha Berhad
- B Sarah Enterprise
- C Syarikat Maju Sdn Bhd
- D Klinik Pergigian Azlan dan Azli

- 3 Apakah belanja bukan operasi perniagaan Juara Textile?

- A Faedah atas pinjaman
- B Kadar bayaran
- C Alat tulis
- D Gaji

- 4 Pemilik Kedai Alat Tulis Sally telah membawa masuk komputer peribadinya ke dalam perniagaan.

Apakah kesan urus niaga tersebut terhadap persamaan perakaunan?

	Aset	Liabiliti	Ekuiti Pemilik
A	Berkurang	Berkurang	Tiada kesan
B	Bertambah	Bertambah	Tiada kesan
C	Berkurang	Tiada kesan	Bertambah
D	Bertambah	Tiada kesan	Bertambah

- 5 Urus niaga berikut diambil daripada Zharif Trading.

Menghantar dokumen kepada pelanggan untuk caj pengangkutan sebanyak RM120.

Apakah dokumen tersebut?

- A Resit
- B Invois
- C Nota Debit
- D Baucer Pembayaran

- 6 Aliran dokumen yang manakah terlibat bagi urus niaga secara kredit?

- A Pesanan Belian → Invois → Nota Kredit → Resit
- B Pesanan Belian → Nota Kredit → Invois → Resit
- C Invois → Pesanan Belian → Nota Kredit → Resit
- D Invois → Nota Kredit → Pesanan Belian → Resit

- 7 Maklumat berikut diperoleh daripada Perniagaan Zahara.

Pada 11 Mac 2024, sekeping invoice dikirim kepada Kedai Kasut Baim bernilai RM2 400 dengan syarat 10% 7 hari, 5% 14 hari.

Berapakah jumlah yang perlu dibayar oleh Kedai Kasut Baim jika bayaran dibuat pada 20 Mac 2024?

- A RM2 040
- B RM2 160
- C RM2 280
- D RM2 400

- 8 Maklumat berikut adalah urus niaga daripada Kedai Perabot Guan.

- I Memulangkan sebuah meja kerana rosak
- II Menjual kerusi secara kredit kepada Restoran Sedap
- III Mengeluarkan dua unit kerusi untuk kegunaan di rumah
- IV Membeli mesin pencetak secara kredit daripada Imika Bhd

Urus niaga yang manakah direkod dalam Jurnal Khas?

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 9 Urus niaga yang manakah merupakan catatan kontra dalam Buku Tunai?

- A Mengeluarkan tunai daripada bank untuk membayar hutang pembekal
- B Mengambil tunai daripada bank untuk kegunaan keluarga
- C Memindahkan tunai peribadi ke dalam bank perniagaan
- D Memasukkan tunai perniagaan ke dalam bank

- 10 Berikut ialah urus niaga Kedai Elektrik Harmoni.

Pada 6 Mac 2024, pemilik perniagaan telah membeli pendingin hawa RM15 000 daripada Syarikat Elektrik Suria dengan menggunakan pindahan kredit akaun peribadinya.

Bagaimanakah urus niaga ini direkodkan dalam Jurnal Am?

	Tarikh 2024	Butiran	Debit RM	Kredit RM
A	Mac 6	Belian Syarikat Elektrik Suria	15 000	15 000
B	Mac 6	Lengkapan Syarikat Elektrik Suria	15 000	15 000
C	Mac 6	Belian Modal	15 000	15 000
D	Mac 6	Lengkapan Modal	15 000	15 000

- 11 Maklumat berikut diperoleh daripada perniagaan Badrol Enterprise.

Kerani akaun telah menerima sekeping cek bernilai RM280 daripada seorang pelanggan yang telah dihapuskan sebagai hutang lapuk.

Apakah akaun yang direkodkan di sebelah kredit?

- A Bank
- B Hutang lapuk
- C Akaun Belum Terima
- D Hutang lapuk terpulih

- 12 Akaun berikut diperoleh daripada Puteri Enterprise.

Akaun Kawalan Belum Terima (petikan)

2024	RM	2024	RM
Mac 1 Baki b/b	1 300	Mac 31 Bank	4 230
31 Jualan	5 600		

Maklumat tambahan:

- i) Sekeping nota kredit dihantar kepada Arman Trading bernilai RM120
- ii) Pembekal memberi diskau RM80

Berapakah baki Akaun Kawalan Belum Terima pada 31 Mac 2024?

- A RM2 470
- B RM2 550
- C RM2 710
- D RM2 790

- 13 Maklumat berikut diperoleh daripada Hanzalah Trading.

Imbangan Duga pada 30 April 2024 (petikan)

Butiran	Debit RM	Kredit RM
Bank		2 568
Ambilan	470	
Pulangan keluar		395
Peruntukan hutang ragu	211	

Kedudukan baki akaun yang manakah **tidak** tepat?

- A Bank
- B Ambilan
- C Pulangan keluar
- D Peruntukan hutang ragu

14 Apakah komponen bagi komisen belum terperoleh dalam Penyata Kedudukan Kewangan?

- A Liabiliti bukan semasa
- B Aset bukan semasa
- C Liabiliti semasa
- D Aset semasa

15 Maklumat berikut diambil daripada Perniagaan SAYA pada 31 Ogos 2024.

	RM
Jualan	45 000
Pulangan masuk	1 500
Belian	27 500
Inventori akhir	1 890
Insurans	1 200

Berapakah untung kasar?

- A RM16 690
- B RM17 890
- C RM19 690
- D RM20 890

16 Peruntukan hutang ragu ialah hutang yang...

- A dihapus kira
- B tidak dapat dikutip
- C diterima setelah dihapuskan
- D dianggarkan tidak dapat dikutip

- 17 Apakah yang menyebabkan berlakunya hutang lapuk?
- I Pelanggan telah mufli
 - II Pelanggan telah menghilangkan diri dan tidak dapat dikesan
 - III Pelanggan menutup perniagaan lama dan membuka perniagaan baharu
 - IV Pelanggan melancong ke luar negara
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 18 Maklumat berikut diambil daripada buku Perniagaan MAYA.

	1 Sept 2023	31 Ogos 2024
	RM	RM
Utiliti prabayar	600	400

Sepanjang tempoh perakaunan, perniagaan telah membayar utiliti sebanyak RM2 500. Berapakah jumlah utiliti yang akan dicatat dalam Akaun Untung Rugi?

- A RM1 500
- B RM2 300
- C RM2 700
- D RM3 500

- 19 Maklumat berikut diambil daripada Mie Trading.

	1 Jan 2023	31 Dis 2023
	RM	RM
Kenderaan	67 000	60 300

Perniagaan telah menetapkan kenderaan disusutnilaikan 10% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.

Berapakah susut nilai terkumpul kenderaan pada 30 Jun 2024?

- A RM9 045
- B RM9 715
- C RM12 730
- D RM13 400

- 20 Kesilapan berikut telah dikesan dalam buku Awie Enterprise.

Kos penyelenggaraan kenderaan RM2 700 telah didebitkan ke dalam Akaun Kenderaan.

Apakah jenis kesilapan tersebut?

- A Kesilapan prinsip
- B Kesilapan terbalik
- C Kesilapan komisen
- D Kesilapan saling mengimbangi

- 21 Berikut ialah maklumat yang dipetik daripada Kedai Jelita pada 31 Julai 2024.

	RM
Kos jualan	72 000
Inventori awal	12 000
Inventori akhir	24 000

Berapakah kadar pusing ganti inventori?

- A 6 kali
- B 4 kali
- C 3 kali
- D 2 kali

- 22 Maklumat di bawah diambil daripada empat buah syarikat.

Syarikat	Pulangan atas modal	Kadar pusing ganti inventori
Syarikat Tuah	20%	8 kali
Syarikat Minaa	25%	6 kali
Syarikat Kasturi	10%	5 kali
Syarikat Saleem	15%	7 kali

Jika anda ingin membuat pelaburan, syarikat yang manakah akan dipilih?

- A Syarikat Tuah
 B Syarikat Minaa
 C Syarikat Kasturi
 D Syarikat Saleem
- 23 Butiran yang manakah akan mengurangkan ekuiti pemilik?
 A Hasil
 B Ambilan
 C Untung bersih
 D Modal tambahan
- 24 Maklumat kewangan berikut diambil daripada Kedai Mini Rambai.

	1 Ogos 2023	31 Julai 2024
	RM	RM
Belian tunai	70 000	65 000
Akaun Belum Bayar	132 000	147 000
Bayaran kepada pembekal	-	100 000

Berapakah jumlah belian pada 31 Julai 2024?

- A RM180 000
 B RM150 000
 C RM135 000
 D RM110 000



- 25 Berikut adalah maklumat yang diperoleh daripada buku akaun Encik Sarip pada 31 Disember 2023.

	RM
Modal pada 1 Januari 2023	22 000
Modal tambahan	7 700
Rugi bersih	1 900
Modal pada 31 Disember 2023	25 000

Berapakah ambilan?

- A RM2 800
 B RM6 600
 C RM8 800
 D RM12 600
- 26 Maklumat berikut diperoleh daripada Syarikat Next Flow Sdn Bhd.

	RM
Baki Bank di Buku Tunai	12 800 (kredit)
Cek belum dikemukakan	1 240
Deposit belum dikreditkan	835

Berapakah baki akhir di Penyata Bank?

- A Baki debit RM12 395
 B Baki kredit RM13 205
 C Baki kredit RM12 395
 D Baki debit RM13 205

- 27 Buku Tunai dan Penyata Bank berikut diperoleh daripada Perniagaan Moon pada akhir bulan Julai 2024.

Buku Tunai (ruangan bank)

2024	RM	2024	No.Cek	RM
Jul. 1 Baki b/b	5 500	Jul. 5 Pembekal Yass	500 007	1 800
12 Kedai Ameer	1 660	23 Sewa	500 008	900

Penyata Bank (petikan)

Tarikh 2024	Butiran	No. Cek	Debit RM	Kredit RM	Baki RM
Jul. 1	Baki b/b				7 000 (Kt)
3	Cek	500 006	2 000		
10	Cek	500 007	1 800		
15	Dividen			150	

Antara berikut yang manakah cek belum dikemukakan?

- A Sewa
- B Dividen
- C Kedai Ameer
- D Pembekal Yass

- 28 Antara berikut yang manakah butiran pembayaran dalam Belanjawan Tunai Kedai Dobi Kejora?

- A Peruntukan hutang ragu
- B Faedah atas simpanan
- C Ansuran pinjaman
- D Susut nilai mesin

- 29 Berikut ialah petikan Akaun Semasa Yaya.

Akaun Semasa Yaya

	RM		RM
P	XX	Baki b/b	XX
		Q	XX

Apakah **P** dan **Q**?

	P	Q
A	Kongsi rugi	Ambilan
B	Ambilan	Kongsi untung
C	Kongsi untung	Faedah atas ambilan
D	Faedah atas ambilan	Kongsi rugi

- 30 Apakah butiran yang **tidak** direkod dalam Akaun Pengasingan Untung Rugi?

- A Elaun pekongsi
- B Faedah atas modal
- C Faedah atas ambilan
- D Faedah atas pinjaman

- 31 Maklumat berikut diperolehi daripada Perkongsian Nora dan Sari.

Akaun Realisasi

2024	RM	2024	RM
Jun 30 Lengkapan	12 500	Jun 30 Modal Nora	20 000
Kenderaan	25 000	Bank	7 700
Akaun Belum Terima	4 350	Akaun Belum Bayar	500
Bank	450		

Untung atau rugi dibahagi antara Nora dan Sari dengan nisbah 2:1.

Berapakah untung atau rugi Sari?

- A Untung RM4 700
- B Untung RM9 400
- C Rugi RM4 700
- D Rugi RM9 400

- 32 Susun langkah pembubaran bagi Perkongsian Chu dan Uda.
- I Perniagaan menjelaskan semua hutang jangka pendek dan jangka panjang
 - II Perniagaan menutup semua Akaun Aset kecuali Akaun Bank dan Akaun Tunai
 - III Nama Perkongsian Chu dan Uda dibatalkan di Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
 - IV Perniagaan membuat pembayaran kepada Chu dan Uda mengikut baki akhir Akaun Modal dan Akaun Semasa pekongsi

- A III, II, I, IV
- B III, I, II, IV
- C II, I, IV, III
- D II, IV, I, III

- 33 Pernyataan manakah menerangkan ciri syer keutamaan?

- A Berhak mengundi dalam Mesyuarat Agung Tahunan
- B Pembayaran dividen dibayar selepas syer biasa
- C Layak menerima tunggakan dividen
- D Kadar dividen adalah tidak tetap

- 34 Maklumat berikut berkaitan dengan Syarikat Floria Berhad.

Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh

2 000 000 unit syer biasa RM1.00 sesyer

2 000 000 unit 8% syer keutamaan RM1.50 sesyer

Berapakah modal berbayar?

- A RM2 240 000
- B RM4 000 000
- C RM4 240 000
- D RM5 000 000

- 35 Berikut merupakan petikan Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan Kelab Nusa Bestari.

Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2023

	RM		RM
Penyelenggaraan premis	300	Sewa loker	250
Utiliti	400	Untung cafe	564
		P	1 500

Apakah P ?

- A Susut nilai alatan pejabat
 B Gaji dan upah
 C Yuran ahli
 D Majalah
- 36 Maklumat berikut diperoleh daripada Kelab Rekreasi Pertiwi pada 31 Disember 2023.

	RM
Dana terkumpul 1 Januari 2023	190 000
Kurangan	5 800
Derma pembinaan rumah kelab	60 000
Belanja memperbaiki rumah kelab	3 300

Berapakah dana terkumpul akhir?

- A RM240 900
 B RM244 200
 C RM252 500
 D RM255 800
- 37 Apakah akaun penamat yang disediakan oleh kelab dan persatuan?

- A Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan
 B Akaun Penerimaan dan Pembayaran
 C Akaun Pengasingan Untung Rugi
 D Akaun Pengeluaran

38 Apakah komponen bagi item reka bentuk produk dalam Akaun Pengeluaran?

- A Kos tetap
- B Kos overhead
- C Belanja langsung
- D Kos bahan langsung

39 Berikut ialah petikan Akaun Pengeluaran Kilang Pastri Lazat.

Akaun Pengeluaran bagi tahun berakhir 30 Jun 2024

	RM
Kos prima	73 000
X	12 000
Y	85 000

Apakah **X**?

- A Kos bahan langsung
- B Kos buruh langsung
- C Belanja langsung
- D Kos overhead

40 Berikut ialah maklumat berkaitan Kilang Kasut Sporty bagi tahun 2022 dan 2023.

Tahun	Unit	Jumlah Jualan RM	Jumlah Kos RM
2022	10 000	500 000	290 000
2023	20 000	1 000 000	560 000

Maklumat tambahan:

Harga jualan seunit, kos berubah seunit dan kos tetap untuk kedua-dua tahun tersebut adalah malar.

Berapakah kos berubah seunit?

- A RM29
- B RM28
- C RM27
- D RM21

MODUL TAMAT